



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***SIKAP KANAK-KANAK ORANG ASLI DI KUALA LUMPUR TERHADAP  
PENGUASAAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEDUA***

**ABDUL RAHIM BIN ABU**

**FBMK 2015 77**



**SIKAP KANAK-KANAK ORANG ASLI DI KUALA LUMPUR TERHADAP  
PENGUASAAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEDUA**

Oleh

**ABDUL RAHIM BIN ABU**

**Tesis Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sastera**

**Februari 2015**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



## **DEDIKASI**

Teristimewa untuk,

**NADZIFAH BTE AHMAD**

Isteri yang sentiasa di sisi

Terima kasih atas segala pengorbananmu!

**ASYRANI ISYRAF**

**IKHWAN AFIFI**

**ARDINI INSYIRAH**

Anak-anak yang sentiasa memahamiku.

Ingatlah anak-anakku,

Kesulitan hari ini adalah kesenangan untuk hari esok!

Istimewa untuk,

**ENCIK ABU BIN DALIP**

**PUAN FAZIZAH BTE MOHD AWAL**

Ayahanda dan bonda

yang sentiasa memberi sokongan dan mendoakan  
perjalanan pengajian ini!

**FAZILINA, FAZILAH, FAZIZUL, FADLY,**

**FATIN FAZIRA, NIK FARHANA**

Adik-adik yang

sentiasa menjadi pembakar semangat!

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera.

**SIKAP KANAK-KANAK ORANG ASLI DI KUALA LUMPUR TERHADAP  
PENGUASAAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEDUA**

Oleh

**ABDUL RAHIM BIN ABU**

**Februari 2015**

**Pengerusi : Mohd Sharifudin bin Yusop, PhD**

**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Hasil tinjauan awal, kanak-kanak Orang Asli (OA) menghadapi masalah dalam penguasaan Bahasa Melayu (BM). Memandangkan BM adalah bahasa kebangsaan, mereka mestilah menguasai BM dengan baik. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menghuraikan sikap kanak-kanak OA yang berumur 8 hingga 11 tahun di Kuala Lumpur terhadap penguasaan BM sebagai bahasa kedua (B2). Untuk memudahkan pentadbiran soal selidik, pengkaji telah memilih agensi pendidikan rendah sebagai lokasi utama bagi mengesan bilangan kanak-kanak OA. Melalui data yang diperolehi daripada Jabatan Pendidikan Negeri Kuala Lumpur (JPNKL), terdapat 18 orang kanak-kanak OA yang berumur 10 hingga 11 tahun. Kajian menggunakan soal selidik yang terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian A adalah untuk mendapatkan maklumat demografi sampel iaitu jantina, etnik, suku kaum, umur dan tahap penguasaan BM. Bahagian B mengandungi pernyataan tentang sikap kanak-kanak OA terhadap BM. Borang kaji selidik disesuaikan semula daripada beberapa kajian terdahulu. Penganalisisan data dilakukan secara kuantitatif. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science for Windows (SPSS)*. Dapatan kajian menunjukkan sikap responden terhadap BM adalah berbeza-beza. Namun begitu, hampir keseluruhan responden bersikap positif terhadap BM. Penguasaan responden yang bersikap positif adalah lebih baik daripada responden yang bersikap negatif. Hasil kajian juga mendapati terdapat hubungan yang besar antara pentaksiran pemahaman dan penulisan dengan sikap responden terhadap BM. Penguasaan BM kanak-kanak perempuan pula adalah lebih baik daripada penguasaan kanak-kanak lelaki. Selain itu, kajian turut mendapati faktor sikap dipengaruhi oleh beberapa perkara seperti jantina, kaum, etnik, umur, pekerjaan ibu bapa, status ibu bapa, tempat tinggal, bahasa pertuturan di rumah, agama dan keturunan ibu bapa. Hasil kajian diharapkan dapat memberi gambaran menyeluruh berkaitan sikap kanak-kanak OA terhadap BM. Selain itu, kajian ini dapat membantu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Kemajuan Hal Ehwal Orang Asli (JAKOA) untuk menyusun strategi dalam usaha membentuk sikap positif kanak-kanak OA

terhadap BM. Kesimpulannya, kajian mendapati status sikap kanak-kanak OA terhadap penguasaan BM mempunyai kaitan serta memberi kesan terhadap pencapaian mereka dalam penguasaan BM.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirements for the degree of Master of Arts.

**ATTITUDE TOWARDS THE MASTERING OF MALAY LANGUAGE AS  
A SECOND LANGUAGE AMONGST ABORIGINAL CHILDREN IN  
KUALA LUMPUR**

By

**ABDUL RAHIM BIN ABU**

**February 2015**

**Chairman : Mohd Sharifudin bin Yusop, PhD**

**Faculty : Modern Languages and Communication**

It is shown in initial survey that the Aboriginal children or *Orang Asli* (OA) have difficulty in mastering the Malay Language (BM). It is a must that they have good grasp in the language since BM is the national language. This study aims to determine the attitudes of OA children aged 8 to 11 years in Kuala Lumpur on the proficiency of BM as a second language (L2). In addition, this study also describes the different attitude between the male and female OA children towards mastering BM. To facilitate the administration of the questionnaire, data of number of OA students in Kuala Lumpur is obtained from Education Department of Kuala Lumpur (JPNKL). Number of OA students aged 10 to 11 years involved in the study is eighteen (18). The questionnaire used in the study is divided into two sections. Section A is to obtain a sample demographic information such as gender, ethnicity, tribe, age and level of proficiency in BM. Section B contains statements of the attitude of children towards BM. The questionnaire is adapted from various study carried out earlier. Data analysis is done quantitatively using the *Statistical Package for Social Science for Windows (SPSS)*. The findings show that the respondents' attitude towards BM varies. However, most of them possess positive attitude towards the language. Students who have positive attitude towards the language are more competent than those who have negative attitude. The study also found that there is great correlation between comprehension and writing assessment and the attitude of respondents towards BM. The girls master the language better than the boys. The study also found that attitudes are influenced by several factors such as gender, race, ethnicity, age, occupation of parents, parental status, place of residence, language spoken at home, religion and parents' descendant. The study is expected to provide a comprehensive overview of OA children attitudes towards BM. In addition, this study will assist the Ministry of Education (MOE) and Department of Aboriginal Affairs (JAKOA) to develop strategies in order to create a positive attitude amongst OA children towards BM. In conclusion, the study found that OA children's attitudes towards mastery of BM is relevant and have an impact on their performance in BM.

## PENGHARGAAN

“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah, Lagi Maha Mengasihani”

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapat saya menyiapkan tugas penulisan ilmiah ini dengan sempurna.

Penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada **Dr. Mohd Sharifudin bin Yusop** sebagai pengerusi jawatankuasa penyeliaan atas kesungguhan memberikan tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Terima kasih juga kepada beliau lantaran memberi pengenalan dan suntikan untuk menyelami kehidupan kumpulan minoriti yang masih menghuni di bumi kita ini.

Saya juga merakamkan penghargaan yang sama kepada ahli jawatankuasa penyeliaan tesis ini **Prof. Madya Dr. Vijayaletchumy a/p Subramaniam, Prof. Madya Dr. Adi Yasran bin Abdul Aziz, Prof. Madya Dr. Noor Aina binti Dani** dan semua pensyarah yang turut memberikan tunjuk ajar serta bimbingan yang berguna. Kepada pihak Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan, guru besar, guru penolong kanan dan guru-guru sekolah pilihan, sekalung ucapan terima kasih atas pertolongan semasa pengumpulan data kajian.

Akhir sekali, tidak lupa saya merakamkan terima kasih kepada sahabat seperjuangan serta rakan-rakan yang sentiasa menghulurkan tangan memberi serta membantu sebanyak mungkin sepanjang kajian ini dilaksanakan. Semoga Tuhan membalas segala pertolongan dan kerjasama kalian. Insya-Allah, mungkin kita bertemu kembali sekiranya diberi kekuatan semangat, fizikal, dan mental untuk terus berjuang menimba ilmu di sini kelak.

**Abdul Rahim bin Abu  
Ijazah Master Sastera  
Universiti Putra Malaysia  
2015**



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 23 Februari 2015 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Abdul Rahim bin Abu bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Sikap Kanak-Kanak Orang Asli Di Kuala Lumpur Terhadap Penguasaan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Adi Yasran bin Abdul Aziz, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Noor Aina binti Dani, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Abdul Rashid bin Daing Melebek, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Chong Shin, PhD**

Pensyarah Kanan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Malaysia  
(Pemeriksa Luar)

---

**ZULKARNAIN ZAINAL, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 13 Mei 2015

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk **Ijazah Master Sastera**. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Mohd Sharifudin bin Yusop, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

---

**BUJANG KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : \_\_\_\_\_ Tarikh : \_\_\_\_\_

Nama dan no matrik : **Abdul Rahim Bin Abu GS 28560**

### **Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama

Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan : Mohd Sharifudin bin Yusop

Nama

Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan : Vijayaletchumy a/p  
Subramaniam

## SENARAI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>PENGESAHAN</b>	v
<b>PERAKUAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xviii
<b>SENARAI CARTA</b>	xix
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xx
<b>BAB</b>	
<b>1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.2.1 Latar Belakang Bahasa di Malaysia	3
1.2.2 Bahasa Ibunda / Bahasa Pertama	5
1.2.3 Bahasa Kedua (B2)	5
1.2.4 Kepentingan Bahasa Melayu kepada Pelajar Bukan Melayu	6
1.2.5 Sikap Pelajar Bukan Melayu Terhadap Bahasa Melayu	7
1.2.6 Komuniti Masyarakat Orang Asli (OA)	8
1.2.7 Pendidikan Orang Asli Masa Kini	12
1.2.8 Murid Orang Asli di Sekolah Rendah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	14
1.2.9 Kecelaruhan Identiti antara Bumiputera dan Orang Asli	20
1.3 Pernyataan Masalah	20
1.4 Persoalan Kajian	22
1.5 Objektif Kajian	22
1.6 Kepentingan Kajian	22
1.7 Batasan Kajian	22
1.8 Definisi Operasional	23
1.9 Kesimpulan	23
<b>2 SOROTAN LITERATUR</b>	
2.1 Pendahuluan	25
2.2 Definisi Konsep Sikap	26
2.2.1 Konsep Sikap Terhadap Penguasaan Bahasa Kedua	29
2.3 Hubungan Sikap dan Motivasi dalam Penguasaan Bahasa	31
2.4 Kajian Sikap	31

2.5	Kajian Orang Asli	35
2.6	Rumusan Kajian Terdahulu	39
	2.6.1 Kaitan Kajian Penyelidik	39
2.7	Kesimpulan	40
<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	
3.1	Pendahuluan	41
3.2	Reka Bentuk Kajian	41
3.3	Teori Pemerolehan Bahasa Kedua (B2)	41
	3.3.1 Teori Monitor	42
	3.3.2 Hipotesis Pemerolehan Bahasa Kedua	43
	3.3.2.1 Hipotesis Filter Afektif	43
3.4	Kerangka Konseptual	44
3.5	Hipotesis	47
3.6	Tempat Kajian	47
3.7	Populasi dan Pensampelan	48
3.8	Instrumen Kajian	50
3.9	Kajian Rintis	51
3.10	Pentadbiran Instrumen	51
3.11	Tatacara Penganalisisan Data	51
3.12	Kesimpulan	52
<b>4</b>	<b>DAPATAN DAN PERBINCANGAN</b>	
4.1	Pendahuluan	53
4.2	Profil Responden	53
4.3	Data Item Soal Selidik	58
	4.3.1 Dapatan Pengkelasan Instrumen	62
4.4	Analisis Objektif 1	63
	Huraian sikap antara kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan OA di bandar raya Kuala Lumpur terhadap penguasaan BM sebagai B2 secara perbandingan	
	4.4.1 Sikap antara kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	63
	4.4.2 Status jenis kaum kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	65
	4.4.3 Status jenis etnik kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	66
	4.4.4 Status umur kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	69
	4.4.5 Status pekerjaan bapa kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	72
	4.4.6 Status pekerjaan ibu kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	75

4.4.7	Status ibu bapa kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	76
4.4.8	Status tempat tinggal kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	79
4.4.9	Status jenis bahasa kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	80
4.4.10	Status keturunan bapa kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	81
4.4.11	Status agama bapa kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	84
4.4.12	Status keturunan ibu kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	85
4.4.13	Status agama ibu kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	85
4.5	Rumusan Analisis Data Objektif 1	86
4.5.1	Jantina	86
4.5.2	Kaum	87
4.5.3	Etnik	87
4.5.4	Umur	87
4.5.5	Pekerjaan Ibu dan Bapa	88
4.5.6	Status Ibu dan Bapa	88
4.5.7	Jenis Tempat Tinggal	88
4.5.8	Bahasa Pertuturan di rumah	89
4.5.9	Keturunan Ibu dan Bapa	89
4.5.10	Agama Ibu dan Bapa	89
4.6	Analisis Objektif 2	90
	Menilai sikap kanak-kanak OA di bandar raya Kuala Lumpur terhadap penguasaan bahasa BM sebagai B2	
4.6.1	Hubungan sikap kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan OA terhadap pentaksiran BM Pemahaman	92
4.6.2	Hubungan sikap kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan OA terhadap pentaksiran BM Penulisan	94
4.7	Rumusan Analisis Data Objektif 2	96
4.7.1	Sikap Responden Terhadap BM	96
4.7.2	Hubungan Sikap Terhadap Penguasaan BM	98
4.7.2.1	Rumusan sikap kanak-kanak lelaki dan perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	98

	4.7.2.1.1	Pentaksiran BM Pemahaman	98
	4.7.2.1.2	Pentaksiran BM Penulisan	99
	4.7.2.1.3	Pentaksiran BM Pemahaman dan Penulisan	100
4.8		Kesimpulan	102
<b>5</b>		<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	
5.1		Pendahuluan	103
5.2		Rumusan Kajian dan Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	103
5.3		Implikasi Kajian	104
5.4		Cadangan Kajian Lanjutan	105
5.5		Kesimpulan	105
<b>RUJUKAN LAMPIRAN</b>			107
A		Soal Selidik	114
B		<i>Output View SPSS</i>	118
C		<i>Data View</i> Lelaki dan Perempuan	145
D		<i>Data View</i> Lelaki	171
E		<i>Data View</i> Perempuan	181
F		<i>Variable View</i> Lelaki dan Perempuan	191
G		<i>Variable View</i> Lelaki	206
H		<i>Variable View</i> Perempuan	220
I		Kebenaran Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP)	224
J		Kebenaran Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPNKL)	225
K		Kebenaran Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA)	226
L		Kebenaran Sekolah Pilihan Kuala Lumpur	228
<b>BIODATA PELAJAR</b>			229



## SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Pecahan penduduk Orang Asli mengikut kumpulan kaum dan etnik bagi tahun 2012	9
2	Pecahan kumpulan kaum Orang Asli mengikut negeri tahun 2012	10
3	Jumlah penduduk Orang Asli mengikut jantina dan negeri tahun 2012	11
4	Pecahan kumpulan etnik dan suku bangsa masyarakat Orang Asli	12
5	Jumlah murid OA di sekolah rendah Kuala Lumpur sehingga Oktober 2012	15
6	Data Murid Orang Asli di SK, SJK(C) Dan SJK (T) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sehingga Oktober 2012	16
7	Pecahan terperinci sekolah rendah Kuala Lumpur yang mempunyai kanak-kanak OA	47
8	Jumlah sekolah rendah Kuala Lumpur yang mempunyai kanak-kanak OA mengikut zon	48
9	Bilangan kanak-kanak OA berumur 8 hingga 11 tahun di sekolah rendah Kuala Lumpur	48
10	Senarai kanak-kanak lelaki dan perempuan OA berumur 8 hingga 11 tahun di sekolah rendah Kuala Lumpur	49
11	Pengkelasan instrumen kajian	50
12	Bilangan sekolah di Kuala Lumpur yang mempunyai kanak-kanak OA berumur 8 tahun hingga 11 tahun	54
13	Bilangan kanak-kanak OA lelaki dan perempuan berumur 8 tahun hingga 11 tahun	54
14	Bilangan kanak-kanak OA mengikut umur	55
15	Bilangan kanak-kanak OA mengikut suku kaum dan etnik	55

16	Senarai kanak-kanak lelaki dan perempuan OA berumur 8 tahun hingga 11 tahun mengikut zon di Kuala Lumpur	56
17	Dapatan tinjauan awal tahap penguasaan bertutur, mendengar, membaca, dan menulis kanak-kanak OA mengikut suku kaum dan etnik	57
18	Peratusan sikap responden terhadap Bahasa Melayu	58
19	Peratus pengkelasan soal selidik responden	62
20	Sikap kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan terhadap BM sebagai B2	63
21	Tahap penguasaan BM kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan OA berdasarkan pentaksiran pemahaman dan penulisan	64
22	Status jenis kaum kanak-kanak lelaki dan perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	65
23	Perincian status jenis kaum kanak-kanak OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	66
24	Status jenis kaum dan etnik kanak-kanak lelaki dan perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	67
25	Status jenis etnik kanak-kanak lelaki dan perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	68
26	Perincian status jenis etnik kanak-kanak lelaki dan perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	68
27	Status umur kanak-kanak lelaki dan perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	69
28	Perincian status umur kanak-kanak OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	70
29	Status umur kanak-kanak lelaki dan perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	71
30	Status pekerjaan bapa kanak-kanak lelaki dan perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	72
31	Perincian status pekerjaan bapa kanak-kanak lelaki dan perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	73

32	Status pekerjaan bapa dan ibu kanak-kanak lelaki dan perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2.	74
33	Status pekerjaan ibu kanak-kanak lelaki dan perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	75
34	Perincian status pekerjaan ibu kanak-kanak lelaki dan perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	76
35	Status ibu bapa kanak-kanak lelaki dan perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	77
36	Perincian status ibu bapa kanak-kanak lelaki dan perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	77
37	Status ibu bapa dan jenis tempat tinggal kanak-kanak lelaki dan perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	78
38	Status jenis tempat tinggal kanak-kanak lelaki dan perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	79
39	Perincian status jenis tempat tinggal kanak-kanak OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	80
40	Status jenis bahasa pertuturan di rumah kanak-kanak lelaki dan perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	80
41	Perincian status jenis bahasa pertuturan di rumah kanak-kanak lelaki dan perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	81
42	Status keturunan bapa kanak-kanak lelaki dan perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	81
43	Perincian status keturunan bapa kanak-kanak lelaki dan perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	82
44	Status keturunan, agama ibu bapa dan bahasa pertuturan di rumah kanak-kanak lelaki dan perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	83
45	Status agama bapa kanak-kanak lelaki dan perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	84
46	Perincian status agama bapa kanak-kanak lelaki dan perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	84

47	Status keturunan ibu kanak-kanak lelaki dan perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	85
48	Perincian status keturunan ibu kanak-kanak lelaki dan perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	85
49	Status agama ibu kanak-kanak lelaki dan perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	86
50	Perincian status agama ibu kanak-kanak lelaki dan perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	86
51	Sikap kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan OA terhadap penguasaan BM	90
52	Tahap penguasaan BM kanak-kanak OA berdasarkan pentaksiran pemahaman dan penulisan	91
53	Hubungan sikap terhadap pentaksiran BM pemahaman	92
54	Tahap hubungan sikap terhadap pentaksiran BM pemahaman	92
55	Hubungan elemen individu terhadap pentaksiran BM Pemahaman	93
56	Hubungan elemen persekitaran berbahasa terhadap pentaksiran BM Pemahaman	93
57	Hubungan elemen ciri BM terhadap pentaksiran BM Pemahaman	94
58	Hubungan sikap terhadap pentaksiran BM penulisan	94
59	Tahap hubungan sikap terhadap pentaksiran BM penulisan	95
60	Hubungan elemen individu terhadap pentaksiran BM Penulisan	95
61	Hubungan elemen persekitaran berbahasa terhadap pentaksiran BM Penulisan	95
62	Hubungan elemen ciri BM terhadap pentaksiran BM Penulisan	96
63	Tahap hubungan berdasarkan nilai korelasi (Cohen,1973)	98

64	Bilangan kanak-kanak OA dan kanak-kanak perempuan OA yang bersikap positif dan negatif terhadap BM	101
65	Bilangan kanak-kanak lelaki OA dan kanak-kanak perempuan OA yang bersikap positif dan terhadap BM serta hubungannya dengan pencapaian pentaksiran	101
66	Bilangan kanak-kanak lelaki OA dan kanak-kanak perempuan OA yang bersikap negatif dan terhadap BM serta hubungannya dengan pencapaian pentaksiran	102



## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Halaman</b>
1	Trilogi Sikap	30
2	Transformasi Perubahan Sikap	31
3	Hipotesis Pemerolehan B2 (Stephen Krashen,1982)	43
4	Kerangka Konseptual Kajian	45
5	Elemen yang Mempengaruhi Sikap Kanak-kanak OA Terhadap Penguasaan BM sebagai B2	46

## SENARAI CARTA

<b>Carta</b>		<b>Halaman</b>
1	Sikap kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	63
2	Status jenis kaum kanak-kanak lelaki dan perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	65
3	Status jenis etnik kanak-kanak lelaki dan perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	66
4	Status umur kanak-kanak lelaki dan perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	69
5	Status pekerjaan bapa kanak-kanak lelaki dan perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	72
6	Status pekerjaan ibu kanak-kanak lelaki dan perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	75
7	Status ibu bapa kanak-kanak lelaki dan perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	76
8	Status jenis tempat tinggal kanak-kanak lelaki dan perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	79
9	Sikap kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2	90

## SENARAI SINGKATAN

BM	Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia
DPK	Dasar Pendidikan Kebangsaan
OA	Orang Asli
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia / Kementerian Pendidikan Malaysia
BIB	Bahasa Ibunda
B1	Bahasa Pertama
B2	Bahasa Kedua
BI	Bahasa Inggeris
JHEOA	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
YAB	Yang Amat Berhormat
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia / Kementerian Pendidikan Malaysia
KIA2M	Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis
BPSH	Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
KEDAP	Kelas Dewasa Asli Peribumi
KAP	Kelas Asli dan Penan
JPNKL	Jabatan Pendidikan Kuala Lumpur
SES	Sosio Ekonomi
MCE	<i>Malaysia Certificate of Education</i>
JSPG	Jadual Sifir Pelbagai Guna
PLBD	Pembelajaran Luar Bilik Darjah
TM	Teknologi Maklumat
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>



## BAB SATU

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Bahasa merupakan sistem lambang bunyi suara yang berfungsi sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia. Bagi melancarkan proses komunikasi, bahasa menjadi elemen penting dalam pelbagai sektor kehidupan. Penggunaan bahasa yang lancar, bersistem, dan tepat menghasilkan daya perhubungan yang berkesan. Ketepatan penggunaan bahasa bukan sahaja mewujudkan hubungan yang baik dalam komuniti bahasa, malah menjadi proses enkod dan dekod berjalan dengan lancar sekali gus mencapai matlamat berbahasa.

Pengiktirafan bahasa Melayu (BM) sebagai bahasa kebangsaan telah terkanun dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Oleh yang demikian, dapatlah dikatakan bahawa bahasa kebangsaan digunakan sebagai media untuk mencapai perpaduan dalam kalangan warganegara yang pelbilang bangsa dan agama di negara ini.

Salah satu daripada inisiatif dalam revolusi integratif kerajaan adalah Dasar Pendidikan Kebangsaan (DPK) di mana BM digunakan sebagai bahasa kebangsaan yang tunggal dalam sistem Pendidikan Malaysia. Melalui DPK, rakyat Malaysia daripada pelbagai kaum iaitu Melayu, Cina dan India dapat disatupadukan melalui satu bahasa pengantar tunggal itu.

*“Pemilihan dan penggunaan satu bahasa (negara) untuk Malaysia tidak dapat dinafikan, khususnya dalam menyatupadukan rakyatnya yang pelbagai kaum, membentuk satu identiti nasional yang sama, selain memupuk satu semangat kebangsaan yang sama, untuk dipamerkan oleh semua rakyat sebagai satu negara Malaysia yang bersekutu adalah bertepatan sekali untuk gagasan perpaduan dalam Gagasan 1Malaysia.”*

Sumber:  
Teo Kok Seong (2011)

Dari segi sejarah, BM juga berfungsi sebagai bahasa pemersatu, bahasa perdagangan, bahasa penyebaran agama, bahasa ilmu dan bahasa pembina tamadun bangsa. Kelahiran *Hikayat Raja Pasai* pada abad ke-14 membuktikan bahawa tamadun bangsa telah dibina melalui hasil kesusasteraan yang wujud pada ketika itu.

Kini fungsi BM sebagai bahasa ilmu semakin berkembang. Bahasa ini telah berjaya melahirkan ramai cendekiawan, ahli profesional dan tokoh korporat melalui fungsinya sebagai bahasa ilmu dalam sistem pendidikan negara. Menurut Awang Sariyan (2012), peranan BM pascamerdeka sebenarnya merupakan kesinambungan peranan yang telah berlangsung dalam tempoh lebih daripada satu alaf sebelum itu.

BM merupakan bahasa ilmu yang cukup luas cakupannya, khususnya ilmu yang berkaitan dengan agama Islam seperti akidah, fiqah, dan tasawuf selaras dengan proses pengislaman yang sedang pesat berlaku pada masa itu (abad ke-14). Dalam konteks negara bangsa, BM merujuk bangsa Malaysia yang terdiri daripada pelbagai ras, iaitu sekitar 60 peratus Melayu, 25 peratus Cina, 10 peratus India dan selebihnya kumpulan etnik lain seperti Orang Asli (OA), lebih 50 kumpulan etnik peribumi Sabah dan lebih 30 kumpulan etnik peribumi Sarawak.

Konsep 'bangsa' yang dikaitkan dengan 'negara bangsa' lebih tinggi tahapnya daripada 'bangsa' yang merujuk sesuatu kumpulan manusia yang mempunyai beberapa ciri persamaan. Dalam usaha memperkasakan BM sebagai bahasa kebangsaan, sikap dan jati diri individu terhadap BM itu sendiri perlulah ditanam sejak awal lagi iaitu pada peringkat kanak-kanak. Konsep 'pembinaan negara bangsa' yang menjadi cita-cita utama negara akan dapat digapai sekiranya sikap cinta akan bahasa kebangsaan itu utuh dalam sanubari individu. Bahasa yang perlu diperkasakan ini merupakan bahasa yang menjadi asas pembinaan negara yang terdiri daripada pelbagai ras itu iaitu BM seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Kita mengetahui bahawa BM merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Tidak kira keturunan, suku kaum, ras atau etnik, kita haruslah boleh bertutur dalam bahasa kebangsaan ini. Sebagai rakyat Malaysia yang setia, kita akan tetap mempertahankan perlembagaan negara dengan penuh rasa kecintaan yang luhur dan suci. Hal ini termasuklah dengan Perkara 152. Perkara tersebut jelas menyatakan bahawa BM ialah bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, dan bahasa ilmu dalam pendidikan di negara kita yang berdaulat dan tercinta ini.

Oleh sebab Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi negara, sewajarnya kita menghormati kedudukan BM dengan menggunakannya serta membenarkan bahasa tersebut menjalankan fungsinya sebagai bahasa kebangsaan negara. Perkara 152 yang menjelaskan bahawa BM sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu harus diteliti dengan konsep alaf kini.

- i- Bahasa yang berupaya mendukung nilai kebangsaan dengan mengambil kira kepelbagaian kaum yang ada di Malaysia.
- ii- Bahasa yang mampu membawa pemahaman tentang situasi yang rasmi dalam konteks yang memerlukan sebagai rasmi sama ada secara penegasan atas dasar tanggungjawab mahupun melalui penekanan undang-undang.
- iii- Bahasa yang dijadikan sebagai bahasa ilmu dalam pendidikan. Bahasa ini seharusnya wajar memberikan keyakinan kepada masyarakat secara menyeluruh tentang upayanya untuk membina pemikiran, emosi, dan kerohanian dalam semua bidang sama ada ilmu daripada sumber luar atau ilmu asli melalui kepakaran bangsa sendiri.

- iv- Bahasa yang dijadikan sebagai wadah perpaduan. Bahasa ini mestilah mempunyai nilai kesamaan dalam mewujudkan rasa kepunyaan secara bersama-sama.

Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia yang dimartabatkan sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu dalam pendidikan telah melalui detik yang panjang, penuh pancaroba, didesak oleh pelbagai cabaran dan dipertikaikan kewibawaannya. Namun demikian, bahasa ini masih unggul sebagai bahasa dan medium komunikasi utama di negara ini. Dalam hal bahasa, penonjolan penggunaan satu bahasa iaitu bahasa kebangsaan oleh pelbagai kaum merupakan gambaran Malaysia seperti yang dihasratkan bukan sebaliknya penggunaan pelbagai bahasa oleh kaum masing-masing.

Kepelbagaian ras, agama dan etnik ini dapat disatukan dengan penggunaan satu bahasa pemersatu iaitu bahasa kebangsaan. Kepelbagaian suku kaum dengan latar belakang budaya dan bahasa yang berbeza sememangnya menjadi ciri khas bangsa kita. Perbezaan sedemikian merupakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Orang Melayu, Cina, India, Bajau, Iranum, Kadazandusun, Rungus, Melayu Proto, Negrito, Senoi, dan lain-lain lagi dilahirkan dengan perbezaan bahasa, agama, fahaman, adat, dan budaya. Namun demikian, dalam kepelbagaian kaum yang ada, kita harus menemukan kesamaan melangkaui raut wajah, pakaian, makanan, bahasa, agama, adat, tradisi, dan budaya. Kesamaan yang dapat membentuk jati diri sebagai bangsa Malaysia ialah bahasa kebangsaan. Bangsa kita sama ada Melayu, Cina, India, Serani, Bajau, Kadazandusun, Murut, Rungus, Melayu Proto, Negrito, Senoi, dan sebagainya akan memiliki rasa kebersamaan dan kekitaan atas ciri persamaan itu. Rasa kebersamaan dan kekitaan itu haruslah mampu membentuk kebulatan tekad seluruh rakyat untuk memperlihatkan jati diri bangsa Malaysia dan mampu meningkatkan perpaduan kaum melalui satu bahasa iaitu bahasa kebangsaan.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti sikap kanak-kanak OA di bandar raya Kuala Lumpur terhadap penguasaan BM sebagai bahasa kedua (B2). Bagi memudahkan pentadbiran soal selidik, pengkaji telah memilih agensi pendidikan rendah sebagai lokasi utama untuk mengesan bilangan kanak-kanak OA. Kajian ini dijalankan di 12 buah agensi pendidikan rendah di Kuala Lumpur yang telah dikenal pasti. Di samping itu, dapatan kajian ini juga menghuraikan sikap kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan OA terhadap penguasaan BM sebagai B2.

### **1.2.1 Latar Belakang Bahasa di Malaysia**

Persekutuan Tanah Melayu (sekarang dikenali sebagai Malaysia) telah diisytiharkan sebagai negara yang merdeka pada 31 Ogos 1957. Sebagai sebuah negara yang merdeka, perkara penting yang harus diberi perhatian ialah pembentukan negara bangsa dengan lambang-lambang kebangsaan yang tersendiri. Salah satu daripadanya ialah pembentukan BM sebagai bahasa kebangsaan yang akan memberi satu identiti tersendiri kepada sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

Walaupun dasar bahasa di Malaysia bersifat ekabahasa, ini sama sekali bukan satu dasar politik yang diarahkan untuk menindas bahasa-bahasa lain. Sebaliknya berpunca daripada satu keperluan nasional iaitu untuk menyatupadukan rakyat Malaysia. Impian murni ini jelas tergambar dalam DPK seperti yang dicadangkan dalam Laporan Razak (1956) dan Laporan Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan BM (1982).

*“..... menyatukan budak-budak daripada semua bangsa di dalam negeri ini dengan memakai satu peraturan pelajaran meliputi semua bangsa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang besar, walaupun perkara ini tiada dapat dilaksanakan dengan serta merta melainkan hendaklah diperbuat dengan beransur.”*

Sumber:  
Gunam Krishnan (2005)  
Halaman 7

Berdasarkan Laporan Jawatankuasa Penggunaan BM, tiada definisi rasmi diberi untuk istilah Bahasa Malaysia, Bahasa Melayu dan bahasa kebangsaan. Penggunaan istilah-istilah ini berkembang mengikut urutan. Penggunaan istilah Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia telah mengalami pertukaran beberapa kali. Pada permulaannya, istilah Bahasa Melayu digunakan sehingga berlakunya peristiwa 13 Mei 1969. Sebelum itu, bahasa kebangsaan kita lebih dikenali dengan nama Bahasa Melayu. Menurut Asmah (1984),

*“ Panggilan baru itu, Bahasa Malaysia tidak pernah mengubah dalam cara mana pun juga. Taraf bahasa yang berkenaan itu seperti yang ditakrifkan oleh Perlembagaan Malaysia. Demikian juga nama baru ini tidak pernah memesongkan mana-mana rancangan yang digubal oleh kerajaan Malaysia untuk akhirnya mengangkat bahasa tersebut sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan persekolahan di negara kita. Nama Bahasa Malaysia mengambil tempat Bahasa Melayu dengan tujuan tertentu dan tujuan itu adalah meneutralkan ‘pemilikan khusus’ terhadap bahasa itu.”*

Sumber:  
Gunam Krishnan (2005)  
Halaman 8

Istilah Bahasa Malaysia adalah lebih sesuai bagi pandangan kebanyakan ahli kaum bukan Melayu. Istilah Bahasa Melayu memberi gambaran bahawa bahasa itu adalah milik sesuatu kaum tertentu manakala Bahasa Malaysia melambangkan perpaduan rakyat Malaysia. Pada pendapat Nik Safiah Karim (1986) pula, Bahasa Melayu mungkin membawa implikasi bahawa ianya kepunyaan atau hak milik satu kaum sahaja, sementara Bahasa Malaysia membawa erti hak atau kepunyaan rakyat dan negara Malaysia.

Sebenarnya, tidak kira apa peristilahan (sama ada Bahasa Melayu dan Bahasa Malaysia) yang digunakan, secara nyatanya adalah sama dari segi penggunaan. Namun begitu untuk membentuk satu bangsa Malaysia, penggunaan istilah Bahasa Malaysia adalah lebih sesuai.

Pada asasnya di negara ini, BM merupakan alat untuk menyatupadukan rakyat, serta mewujudkan unsur-unsur perpaduan dan meningkatkan semangat kebangsaan. Dari itu dapatlah dikatakan bahawa BM adalah saluran yang boleh menghasilkan suatu bangsa bersatu dan berjiwa Malaysia. Kepentingan sesuatu bahasa rasmi telah diperjelaskan oleh Muhammad Salleh (1984).

*“ Sesebuah negara yang merdeka haruslah mempunyai bahasa rasminya sendiri. Dengan adanya bahasa rasmi, negara ini dapat dikenali. Bahkan kekuatan dan kemasyhuran sesebuah negara juga terletak pada bahasa kebangsaannya.”*

Sumber:  
Gunam Krishnan (2005)  
Halaman 9

Kedudukan BM juga telah terjamin sebagai bahasa kebangsaan bagi Persekutuan Malaysia. Pada 31 Ogos 1957, perkara ini adalah antara 7 wasiat raja-raja Melayu dan pemimpin-pemimpin yang telah pun dimenterai. Wasiat ini telah diterjemahkan dalam perlembagaan persekutuan. Dalam Perlembagaan Malaysia 152 dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67.

*“ Kami wasiatkan kepada zuriat keturunan kami 7 perkara yang mana jika kamu bersatu padu dan berpegang teguh kepadanya selama itulah kamu akan aman damai dan selamat sejahtera. Perkara yang kelima, kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah BAHASA MELAYU.”*

### **1.2.2 Bahasa Ibunda / Bahasa Pertama**

Bahasa yang biasanya diperoleh semasa kanak-kanak melalui pergaulan dengan komuniti bahasanya sendiri dikenali sebagai bahasa ibunda (BIB) atau bahasa pertama (B1) yang dituturkan oleh penutur natif bahasa itu. Contohnya masyarakat Melayu adalah penutur natif BM dan menggunakan bahasa sebagai B1. B1 dikuasai oleh penuturnya sejak kecil melalui proses yang berlaku secara tidak langsung dalam kehidupan terutama dalam aktiviti berkomunikasi.

### **1.2.3 Bahasa Kedua (B2)**

Bahasa selain BIB dikenali pula sebagai bahasa kedua (B2) yang dikuasai secara formal atau pun tidak formal. Cook (1991) dalam Kamsiah Abdullah (1984) pula mendefinisikan B2 sebagai bahasa yang dipelajari oleh seseorang individu sebagai tambahan kepada BIB yang sedia ada. Pengetahuan B2 yang dikuasai oleh pengguna adalah hasil dorongan dalaman atau motivasi. Bagi menguasai B2, pengguna perlu memiliki matlamat yang jelas bagi memastikan jangkaannya dapat dicapai. Dalam hal ini, terdapat hubungan jelas antara penggunaan bahasa dengan motivasi.

Oleh itu, terdapat dua tujuan bagi individu yang mahu menguasai B2 iaitu sebagai keperluan yang bersifat instrumental dan keperluan untuk mengintegrasikan diri ke dalam suatu kelompok penutur bahasa (Zulkifley Hamid, 1994). Tegasnya, penguasaan B2 bertujuan pengintegrasian dan motivasi. Contohnya menguasai bahasa kerana mahu menyertai komuniti yang menggunakan bahasa itu terutama dalam konteks pekerjaan. Maka, pengguna perlu menguasai bahasa sasaran itu dengan motivasi yang tinggi supaya dapat mewujudkan asosiasi yang berkesan.

Terdapat pelbagai faktor yang menjadi penyebab pelajar-pelajar tidak dapat menguasai BM dengan baik (Mohin Ibrahim, 1987 dalam Abdul Hamid Mahmood (1990). Situasi ini akan memberi kesan pada prestasi yang rendah dalam peperiksaan. Antara faktor penyebab itu ialah kekurangan guru BM dan beban tugas guru, sukatan pelajaran, kaedah mengajar, tradisi menggunakan buku teks, ujian objektif, kelemahan ketatabahasaan bermula peringkat bawah, anggapan BM mudah, tiada contoh bahasa lisan baku, pengaruh media massa serta guru-guru sains dan matematik yang mengajar BM.

#### **1.2.4 Kepentingan Bahasa Melayu kepada Penuntut Bukan Melayu**

Kepentingan BM kepada penuntut bukan Melayu memang tidak dapat dinafikan. Namun begitu, masalah dalam kalangan penuntut bukan Melayu ialah mereka sering terikut-ikut dengan gaya BIB atau bahasa Inggeris (BI). Penuntut bukan Melayu haruslah menggunakan pelbagai teknik untuk menguasai BM dengan lancar. Antaranya termasuklah mengikuti Berita Perdana atau Buletin utama di televisyen. Di samping itu, individu juga digalakkan membeli beberapa akhbar harian dan cuba membaca kuat artikel yang diminati. Mereka juga disarankan meneliti contoh-contoh karangan yang betul jalan bahasa dan formatnya seterusnya menyalin karangan berkenaan. Pendekatan yang seterusnya ialah bergaul dengan penuntut Melayu dalam semua aspek pada waktu persekolahan.

Semasa berbual juga, penuntut bukan Melayu mestilah berinteraksi, berhujah, dan berbual dengan penuntut Melayu dalam BM. Seterusnya mereka perlulah menanamkan minat menonton filem dan drama Melayu yang disiarkan. Tontonan dan penghayatan dialog serta plot cerita filem ini dapat membantu penuntut bukan Melayu memahami pemikiran, kebudayaan dan kehidupan orang Melayu di samping mempelajari aspek pertuturan BM dengan betul. Pendapat ahli bahasa juga menjelaskan bahawa untuk mahir dalam menguasai sesuatu bahasa di dunia, seseorang itu perlulah mengkaji serta memahami terlebih dahulu pemikiran dan cara hidup bangsa yang menuturkan bahasa tersebut kerana aspek-aspek inilah yang merangkumi keseluruhan struktur bahasa itu.

Akhir sekali sikap penuntut itu sendiri. Perubahan sikap sangat penting dalam meningkatkan kemahiran asas dalam bidang penulisan, pertuturan dan sebagainya. Perkara lain yang perlu disedari oleh penuntut bukan Melayu ialah walaupun mereka bukan anak Melayu yang mewarisi segala aspek kemelayuan, tetapi mereka merupakan anak Malaysia yang sejati. Anak Malaysia yang sejati sudah tentu sentiasa mengasihi, menyanjungi, dan mendalami bahasa rasmi ibu pertiwi mereka iaitu BM.

Bagi Hassan Ahmad (2009), dasar yang terbaik bagi negara pelbagai kaum ialah DPK yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama di sekolah kebangsaan. Di samping DPK turut membenarkan BIB diajarkan sebagai bahasa pengantar utama di sekolah aliran Cina dan Tamil.

Dalam kes tertentu, jumlah penuntut bukan Melayu mengatasi penuntut Melayu dalam memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan awam. Ini menunjukkan bahawa BM merupakan bahasa intra etnik di Malaysia yang mampu dikuasai oleh golongan bukan Melayu. Oleh yang demikian, status BM sebagai bahasa pengantar di sekolah perlulah dijunjung dan dipelajari sebaik mungkin oleh penuntut khususnya penuntut bukan Melayu menurut rumus-rumus BM yang tepat.

### **1.2.5 Sikap Pelajar Bukan Melayu Terhadap Bahasa Melayu**

Zamri Mahamod dan Zarina Othman (2001) menjelaskan faktor sikap merupakan penyumbang utama kepada kemerosotan pencapaian pelajar dalam BM. Para sarjana pendidikan bahasa turut menekankan sikap adalah faktor penting dalam menentukan kecemerlangan pelajar untuk menguasai bahasa terutamanya sebagai B2.

Menurut Colin Baker dalam Zamri Mahamod dan Zarina Othman (2001), perbezaan bukan sahaja disebabkan oleh sikap tetapi juga berpunca daripada pelbagai faktor lain seperti umur, jantina, keadaan sosial, politik, dan ekonomi. Walaupun faktor yang menentukan kejayaan penguasaan B2 ini banyak, pakar psikologi pendidikan bersetuju bahawa faktor sikap merupakan faktor terpenting. Pelajar yang lemah biasanya mempunyai sikap negatif terhadap penguasaan bahasa mereka. Dalam penguasaan bahasa, faktor sikap banyak mempengaruhi keupayaan pelajar untuk belajar dengan baik.

Gardner (1985) menyatakan bahawa sikap merupakan faktor utama yang menentukan kejayaan penguasaan bahasa di dalam kelas. Menurut Oxford dalam bukunya *Language Learning Strategies*, sikap dan kepercayaan memberikan kesan yang ketara kepada strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar. Jika pelajar mempunyai sikap dan kepercayaan yang negatif, mereka akan menggunakan strategi yang kurang berkesan. Sebaliknya jika pelajar bersikap positif, mereka akan mempelbagaikan strategi penguasaan bahasa yang berkesan.

Bagi Zulkifley Hamid (1994), pemerolehan B2 berbeza daripada B1. Hal ini demikian kerana penguasaan B1 berlaku secara semula jadi tetapi penguasaan B2 berlaku secara formal. Pelajar terpaksa menguasai B2 di dalam kelas atau melalui pergaulan dengan masyarakat bahasa pertama untuk memantapkan kemahiran bahasa mereka. Keberhasilan penguasaan B2 secara formal di dalam kelas bergantung pada beberapa faktor. Antaranya faktor intrinsik, sosiopolitik, linguistik, dan pedagogi. Faktor intrinsik seperti sikap dan motivasi merupakan faktor terpenting dalam pembelajaran BM yang merupakan B2 bagi penuntut bukan Melayu.

Kajian yang dijalankan oleh Zamri Mahamod dan Zarina Othman (2001) juga mendapati bahawa sebagai penutur kedua, pelajar Cina ini mempunyai sikap yang berbeza-beza terhadap pembelajaran BM. Namun secara kesimpulannya, pelajar Cina di sekolah berkenaan bercadang untuk menguasai BM sepenuhnya. Ini menjelaskan bahawa mereka mempunyai sikap positif terhadap BM seterusnya perancangan yang sistematik dalam mengatur strategi pemerolehan B2 ini. Bagi McClelland dan Alschur dalam Zamri Mahamod dan Zarina Othman (2001), orang yang mempunyai pencapaian yang tinggi dalam B2 merupakan orang yang bersikap positif terhadap bahasa tersebut.

Kajian yang dilakukan oleh Jamali dalam Zamri Mahamod dan Zarina Othman (2001) mendapati bahawa pelajar bukan Melayu kurang terdedah kepada BM. Ini menunjukkan strategi dalam menguasai BM tidak meluas dan agak terhad. Menurutnya lagi, pendedahan terhadap B2 amat penting dan pelajar yang banyak terdedah kepada B2 didapati lebih cekap berbahasa Melayu dan mempunyai sikap positif terhadap B2.

### **1.2.6 Komuniti Masyarakat Orang Asli (OA)**

OA merupakan kelompok minoriti masyarakat peribumi di Semenanjung Malaysia (Nicholas, 2000 dalam Khairul Hisyam Kamarudin dan Ibrahim Ngah, 2007). Mereka dianggap minoriti kerana dengan penduduk seramai 132,000 orang pada tahun 2000. Data dari Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) yang kini dikenali sebagai Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), populasi mereka ini hanya membentuk 0.5% daripada jumlah keseluruhan penduduk Negara (JHEOA, 2003). Jumlah ini terus meningkat kepada 140 000 orang pada tahun 2010. Pada tahun 2012 pula, angka ini bertambah kepada 178,197 orang (JAKOA, 2013) (Jadual 1, Jadual 2, dan Jadual 3).

Sebahagian besar masyarakat OA masih tinggal di kawasan pedalaman. Pada ketika ini, seramai 36,658 ketua isi rumah atau keluarga dengan penduduk OA sebanyak 178,197 orang. Pahang merupakan negeri yang mempunyai paling ramai masyarakat ini iaitu 67,506 orang dan diikuti oleh Perak seramai 53,299 orang. Melalui data yang diperolehi, peningkatan jumlah penduduk OA telah berlaku peningkatan yang ketara iaitu dari 34,747 orang pada tahun 1947 kepada 178,197 orang pada tahun 2010. Purata pertumbuhan tahunan mencatatkan 2.59 peratus.



**Jadual 1 : Pecahan penduduk Orang Asli mengikut kumpulan kaum dan etnik bagi tahun 2012.**

Daerah	Negrito						Senoi						Melayu Proto						Jumlah
	Kensiu	Kintak	Lanoh	Jahai	Mendriq	Bateq	Temiar	Semai	Semoq Beri	Che Wong	Jahut	Mah Meri	Temuan	Semelai	Jakun	Orang Kanaq	Orang Kuala	Orang Seletar	
Johor	-	-	-	1	-	-	5	20	6	6	16	2	762	38	7,091	123	3,454	1,615	13,139
Kedah	208	30	10	3	-	-	14	5	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	270
Kelantan	-	1	2	530	344	504	11,908	132	1	2	4	-	16	2	10	1	-	-	13,457
Melaka	1	-	-	-	-	-	4	21	1	1	-	1	1,427	3	32	-	24	-	1,515
Negeri Sembilan	-	-	-	-	-	-	24	48	2	1	8	13	7,884	2,464	85	-	2	-	10,531
Pahang	-	-	1	15	3	906	186	18,876	4,421	610	5,328	18	5,220	4,769	27,125	23	3	2	67,506
Perak	28	163	369	1,838	12	3	18,541	31,437	62	19	219	3	225	229	134	1	14	2	53,299
Selangor	-	-	-	-	3	-	356	895	9	8	43	3,762	12,055	222	205	-	28	1	17,587
Terengganu	-	-	-	-	-	34	-	3	811	4	-	-	1	-	40	-	-	-	893
<b>Jumlah kecil</b>	<b>237</b>	<b>194</b>	<b>382</b>	<b>2,387</b>	<b>362</b>	<b>1,447</b>	<b>31,038</b>	<b>51,437</b>	<b>5,313</b>	<b>651</b>	<b>5,618</b>	<b>3,799</b>	<b>27,590</b>	<b>7,727</b>	<b>34,722</b>	<b>148</b>	<b>3,525</b>	<b>1,620</b>	<b>178,197</b>
<b>Jumlah</b>	<b>5,009</b>						<b>97,856</b>						<b>75,332</b>						

Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli (2013)

**Jadual 2 : Pecahan kumpulan kaum Orang Asli mengikut negeri tahun 2012.**

<b>Kumpulan Kaum</b> <b>Negeri</b>	<b>Senoi</b>	<b>Melayu Proto</b>	<b>Negrito</b>	<b>Jumlah ( Orang )</b>
Johor	55	13,083	1	13,139
Kedah	19	-	251	270
Kelantan	12,047	29	1,381	13,457
Melaka	28	1,486	1	13457
Negeri Sembilan	96	10,438	-	10,531
Pahang	29,439	37,142	925	67,506
Perak	50,281	605	2,413	53,299
Selangor	5,073	12,511	3	17,587
Terengganu	818	41	34	893
<b>Jumlah</b>	<b>97, 856</b>	<b>75, 332</b>	<b>5, 009</b>	<b>178, 197</b>
<b>Peratus</b>	<b>54.91%</b>	<b>42.27%</b>	<b>2.81%</b>	<b>100%</b>

Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli (2013)

**Jadual 3 : Jumlah penduduk Orang Asli mengikut jantina dan negeri tahun 2012.**

<b>Negeri</b>	<b>Lelaki</b>	<b>Perempuan</b>	<b>Jumlah Penduduk</b>	<b>Jumlah Ketua Isi Rumah (KIR)</b>
Johor	6,702	6,437	13,139	2,673
Kedah	155	115	270	77
Kelantan	7,140	6,317	13,457	2,631
Melaka	778	737	1,515	387
Negeri Sembilan	5,461	5,070	10,531	2,413
Pahang	35,323	32,183	67,506	13,772
Perak	27,716	25,583	53,299	10,604
Selangor	9,254	8,333	17,587	3,913
Terengganu	474	419	893	188
<b>Jumlah</b>	<b>93,003</b>	<b>85,194</b>	<b>178,197</b>	<b>36,658</b>

Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli (2013)

Sekiranya penduduk OA dibahagikan mengikut zon, maka zon utara bagi kumpulan etnik Negrito, zon tengah untuk kumpulan etnik Senoi manakala zon selatan untuk kumpulan etnik Melayu-Proto. Setiap kumpulan etnik ini mempunyai enam suku bangsa yang berbeza.

**Jadual 4 : Pecahan kumpulan etnik dan suku bangsa masyarakat Orang Asli.**

<b>Kaum</b>	<b>Negrito</b>	<b>Senoi</b>	<b>Melayu-Proto</b>
Kumpulan Etnik	Kensiu	Che Wong	Temuan
	Kintak	Mahmeri	Semelai
	Lanoh	Jahut	Jakun
	Jahai	Semoq Beri	Orang Kanaq
	Mendriq	Semai	Orang Kuala
	Bateq	Temiar	Orang Seletar

### 1.2.7 Pendidikan Orang Asli Masa Kini

Pendidikan adalah satu proses pemelajaran yang dilalui oleh seseorang bagi meningkatkan pengetahuan melalui perkembangan dan penyuburan pemikiran. Pendidikan boleh didefinisikan sebagai saluran penyebaran tradisi budaya, nilai dan ilmu pengetahuan sama ada secara formal atau tidak formal kepada masyarakat supaya menjadikan ahli masyarakat berpendidikan dan berpengetahuan. Dalam konteks masyarakat yang kompleks seperti Malaysia, pendidikan dapat menjadi mekanisme penyama dan ini akan dapat membantu mempercepat proses integrasi OA ke dalam masyarakat aliran perdana. Demikian pentingnya pendidikan kepada pembangunan di Malaysia amnya dan kepada komuniti OA khususnya.

Pada tahun 1992, terdapat 3202 orang kanak-kanak peribumi mendaftar di sekolah rendah tetapi dari jumlah tersebut seramai 2485 (77.6%) telah tercicir (Khairul Hisyam Kamarudin dan Ibrahim Ngah, 2007). Kini, terdapat seramai 46,235 kanak-kanak OA yang sedang mengikuti pendidikan di peringkat tadika, sekolah rendah, sekolah menengah dan tahap pengajian tinggi.

Yang Amat Berhormat (YAB) Dato Sri Mohd Najib Tun Razak (2013), Perdana Menteri Malaysia, dalam ucapannya semasa majlis Pecah Tanah di tapak pembinaan sekolah rendah di Kampung Orang Asli Simpai, Pekan, Pahang, beliau menyatakan bahawa terdapat tiga kunci utama untuk mengatasi fenomena keciciran dalam kalangan OA.

- i. sekolah perlu dibina berdekatan dengan perkampungan OA
- ii. sekolah perlu dilengkapi dengan sumber tenaga guru yang berdedikasi dan memiliki komitmen tinggi dalam bidang pendidikan; dan
- iii. ibu bapa perlu mendorong kejayaan akademik anak-anak mereka.

Dalam usaha menangani masalah keciciran pelajar dalam kalangan OA, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mewujudkan sekolah khas untuk OA di kawasan-kawasan tertentu selain mengadakan kelas pemulihan untuk mengenal pasti murid-murid yang lemah dan Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M). Ini bertujuan untuk membantu masyarakat OA meneruskan persekolahan (Hon, 2007 dalam Mohamad Johdi Bin Salleh *et. al*, 2008). Pembukaan Sekolah Kebangsaan Orang Asli juga telah memberi peluang kepada anak-anak OA menerima pendidikan formal seperti rakyat lain. Mengikut sumber Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), terdapat 93 buah sekolah di mana 100% adalah murid Orang Asli. Pecahan bagi sekolah Murid Orang Asli 100% mengikut negeri iaitu Perak (28 buah), Pahang (26 buah), Kelantan (12 buah), Selangor (11 buah), Johor (10 buah), Negeri Sembilan (4 buah) dan Terengganu (2 buah).

Mohamad Azhar bin Mat Ali *et. al* (2011) telah menjalankan kajian berkaitan pola kehadiran murid selama tiga tahun iaitu tahun 2008, 2009, dan 2010 di sekolah kebangsaan murid OA di Sekolah Kebangsaan Lanai, Kuala Lipis, Pahang. Hasil kajian ini mendapati bulan yang paling kerap murid hadir ke sekolah secara berurutan ialah bulan Januari, Februari dan Mac manakala bulan yang paling kerap murid tidak hadir ke sekolah secara berurutan ialah bulan Ogos, September dan Oktober. Purata peratus kehadiran tahunan bagi tahun 2008 hingga 2010 masih rendah iaitu di bawah 75 %. Menurut Chee Kim Mang (2008) dan Kamarudin Abu Hassan (2010) dalam Mohamad Azhar bin Mat Ali *et. al* (2011), masalah ketidakhadiran ke sekolah merupakan salah satu masalah utama di sekolah OA.

Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) menjelang 2025, KPM telah menggariskan 11 anjakan untuk memastikan pendidikan diberi keutamaan dalam melahirkan insan yang memiliki minda kelas pertama dan berprestasi tinggi. Anjakan pertama dalam PPPM berkenaan iaitu 'Menyediakan akses sama rata untuk pendidikan berkualiti dengan standard antarabangsa' jelas memberi maksud bahawa semua murid akan menikmati pendidikan yang sama rata dalam mendepani cabaran globalisasi. Ini memberikan gambaran bahawa murid OA juga akan sama-sama menikmati impak daripada transformasi pendidikan yang dilakukan oleh KPM. Aspek pendidikan diambil kira sebagai agenda utama kerajaan agar tidak ada golongan yang ketinggalan dalam arus perdana yang serba pantas dalam usaha kerajaan untuk merealisasikan dan memastikan matlamat anjakan berkenaan tercapai sepenuhnya.

Bertitik tolak daripada itu, KPM telah memperuntukkan RM1 juta bagi menjalankan kajian dan penyelidikan berkaitan pendidikan OA dalam usaha meningkatkan kualiti kehidupan kaum itu untuk memastikan tidak ada anak-anak OA yang ketinggalan atau terpinggir dalam arus pendidikan perdana. Program Transformasi Pendidikan Orang Asli yang diumumkan pada bulan Jun 2012 diharapkan dapat membawa perubahan pendidikan yang menyeluruh kepada mereka.

Pelbagai inisiatif dilaksanakan bagi menangani isu pendidikan OA khususnya penyertaan mereka peringkat rendah dan menengah. Antaranya termasuklah meningkatkan kualiti kemudahan fizikal di sekolah sedia ada dan melaksanakan program Kelas Dewasa Ibu Bapa Murid Orang Asli (KEDAP).

Selain itu, kerajaan turut melaksanakan projek rintis Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah Murid Orang Asli dan Penan (KAP) dan melaksanakan pengajaran pedagogi berasaskan perspektif peribumi.

Usaha ini sejajar dengan matlamat PPPM iaitu memastikan setiap warganegara tanpa mengira kaum dan status ekonomi mendapat peluang pendidikan terbaik dari segi akses, ekuiti, dan kualiti. Hasilnya KPM berjaya meningkatkan kemahiran 3M dan kemahiran sosial murid OA, meningkatkan jumlah murid OA yang menamatkan pendidikan sehingga peringkat menengah iaitu peningkatan empat peratus pada tahun 2010 serta merapatkan jurang pendidikan bandar dan luar Bandar.. Dapatan yang memberangsangkan itu mendorong KPM untuk meneruskan program itu dengan lebih giat agar manfaatnya dapat dinikmati secara berterusan.

### **1.2.8 Murid Orang Asli di Sekolah Rendah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

Melalui maklumat awal yang diperolehi daripada Jabatan Pendidikan Kuala Lumpur (JPNKL), bilangan murid OA yang ada dalam pentadbiran JPNKL ialah seramai 52 orang. Wilayah Pudu mempunyai bilangan murid OA yang paling ramai iaitu sejumlah 18 orang. Ini diikuti Wilayah Bangsar seramai 16 orang. Bagi Wilayah Sentul pula, jumlah murid OA seramai 11 orang. Manakala Wilayah Keramat hanya mempunyai 7 orang murid OA sahaja. Pecahan jantina pula, murid OA lelaki seramai 22 orang manakala perempuan 30 orang (Jadual 5). Butiran lanjut berkaitan sekolah yang mempunyai murid OA adalah seperti dalam Jadual 6.

**Jadual 5: Jumlah murid OA di sekolah rendah Kuala Lumpur sehingga Oktober 2012.**

Zon	Tahap 1		Jumlah Tahap 1	Tahap 2		Jumlah Tahap 2	Jumlah Besar Tahap 1 & 2
	Lelaki	Perempuan		Lelaki	Perempuan		
Bangsar	2	7	9	4	3	7	16
Keramat	3	3	6	0	1	1	7
Pudu	4	8	12	3	3	6	18
Sentul	4	3	7	2	2	4	11
Jumlah besar	13	21	34	9	9	18	52

Sumber: Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan (2013)

**Jadual 6 : Data Murid Orang Asli di SK, SJK(C) Dan SJK (T) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sehingga Oktober 2012.**

Bil	Zon	Jenis Sekolah	Kod Sekolah	Nama Sekolah	Nama Murid	Jantina	Tahun
1.	Bangsar	SK	WBA0080	SK Bandar Tasik Selatan	Azwila Asyra	Perempuan	2
2.	Bangsar	SK	WBB0050	SK St Teresa (1)	Jacelyn Gill A/P Manjit Singh Gill	Perempuan	1
3.	Bangsar	SK	WBB0043	SK Jalan Bellamy	Nor Juna Q/P Shamsul	Perempuan	5
4.	Bangsar	SJKC	WBC0138	SJKC St Teresa	Ariana Belinda	Perempuan	2
5.	Bangsar	SJKC	WBB0138	SJKC St Teresa	Johnathan Zack Justin	Lelaki	5
6.	Bangsar	SK	WBB0044	SK Brickfields 1	Nazrul Erwan A/L Angah	Lelaki	5
7.	Bangsar	SK	WBB 0044	SK Brickfields 1	Norzarisha Nadia	Perempuan	3
8.	Bangsar	SK	WBB0044	SK Brickfields 1	Nordanishra Julyian	Perempuan	1
9.	Bangsar	SK	WBA 0051	SK Taman Desa	Masueniza Natsha	Perempuan	2
10.	Bangsar	SK	WBA 0081	SK Desa Petaling	Amirul Dee A/L Amri	Lelaki	5
11.	Bangsar	SK	WBA0081	SK Desa Petaling	Aiman Daniel	Lelaki	1
12.	Bangsar	SK	WBA0012	SK Bangsar	Miana Bt Sani	Perempuan	5
13.	Bangsar	SK	WBA0012	SK Bangsar	Noraini Bt Abok	Perempuan	6



Bil	Zon	Jenis Sekolah	Kod Sekolah	Nama Sekolah	Nama Murid	Jantina	Tahun
14.	Bangsar	SK	WBA0057	SK Taman Tun Dr Ismail 2	Shahwan Ezhani	Lelaki	3
15.	Bangsar	SK	WBA0057	SK Taman Tun Dr Ismail 2	Syamil Eksmal	Lelaki	4
16.	Bangsar	SK	WBA0012	SK Bangsar	Nurul Nadirah Bt Sahadi	Perempuan	4
17.	Keramat	SK	WBB0038	SK Jalan Air Panas	Merissa Ashley	Perempuan	6
18.	Keramat	SK	WBA0047	SK Wangsa Maju Sek 2	Mohamad Amirul Iman Bin Abdullah	Lelaki	2
19.	Keramat	SK	WBB0055	SK Marian Convent	Azizah Hajar Bt Abdul Aziz	Perempuan	2
20.	Keramat	SK	WBA0007	SK Datuk Keramat 2	Nor Zaituliyana Binti Luqman	Perempuan	2
21.	Keramat	SK	WBA0070	SK Danau Kota	Roslan Bin Rashid	Lelaki	1
22.	Keramat	SK	WBA0070	SK Danau Kota	Normira Bt L.Osman	Perempuan	2
23.	Keramat	SK	WBA0070	SK Danau Kota	Rosman Bin Rashid	Lelaki	3
24.	Pudu	SK	WBB0052	SK Convent Jln Peel	Siti Zahidah Bt Zamanah	Perempuan	1
25.	Pudu	SK	WBA0052	SK Convent Jln Peel	Siti Ruwaidah Bt Zamanah	Perempuan	2
26.	Pudu	SK	WBB0063	SK Puteri Pandan 1	Charaaniah A/P Anbanathan	Perempuan	3
27.	Pudu	SK	WBA0040	SK Bandar Tun Razak (2)	Muhamad Ainul Yakin Bin Abdullah	Lelaki	6

Bil	Zon	Jenis Sekolah	Kod Sekolah	Nama Sekolah	Nama Murid	Jantina	Tahun
28.	Pudu	SJKC	WBC0153	SJKC Kwong Hon	Allvian Adriana Alvent Bin Jakly	Lelaki	1
29.	Pudu	SJKC	WBC0153	SJKC Kwong Hon	Landrew Rentap	Lelaki	2
30.	Pudu	SJKC	WBC0153	SJKC Kwong Hon	Dayang Noor Azizah	Perempuan	2
31.	Pudu	SJKC	WBC0153	SJKC Kwong Hon	Daphinie Jane Danny	Perempuan	2
32.	Pudu	SJKC	WBC0153	SJKC Kwong Hon	Mohd Sharul Bin Juanol	Lelaki	2
33.	Pudu	SJKC	WBC0153	SJKC Kwong Hon	Allvia Adriana Evlyen	Perempuan	3
34.	Pudu	SJKC	WBC0153	SJKC Kwong Hon	Queleyien Samuel	Lelaki	3
35.	Pudu	SJKC	WBC0153	SJKC Kwong Hon	Mohd Shafiq Bin Juanol	Lelaki	4
36.	Pudu	SJKC	WBC0153	SJKC Kwong Hon	Calvin Jones Danny	Lelaki	5
37.	Pudu	SJKC	WBC0153	SJKC Kwong Hon	Beverny	Perempuan	5
38.	Pudu	SJKC	WBC0153	SJKC Kwong Hon	Rosviealin	Perempuan	6
39.	Pudu	SJKC	WBC0153	SJKC Kwong Hon	Rozieanaly	Perempuan	4
40.	Pudu	SJKC	WBC0131	SJKC Naam Kheung	Nor Aireen Bt Awang Tinggal	Perempuan	2
41.	Pudu	SJKC	WBC0131	SJKC Naam Kheung	Nor Aleyana Bt Awang Tinggal	Perempuan	1

Bil	Zon	Jenis Sekolah	Kod Sekolah	Nama Sekolah	Nama Murid	Jantina	Tahun
42.	Sentul	SK	WBB0070	SK La Salle Sentul (2)	Adriel Bin Ajis	Lelaki	5
43.	Sentul	SK	WBA0022	SK Segambut	Amy Mastura	Perempuan	4
44.	Sentul	SK	WBA0091	SK Segambut Makmur	Nick Gabriel	Lelaki	2
45.	Sentul	SK	WBA0091	SK Segambut Makmur	Jamius	Lelaki	5
46.	Sentul	SK	WBA0021	SK Kg Batu	Aedey A/L Abu	Lelaki	1
47.	Sentul	SK	WBA0022	SK Segambut	Alia Syafiya	Perempuan	1
48.	Sentul	SK	WBA0095	SK Batu Muda	Putri Dyana Bt Yatim	Perempuan	1
49.	Sentul	SK	WBA0009	SK Sentul (1)	Fazlynn Hanis A/P Fadzil	Perempuan	1
50.	Sentul	SK	WBA0021	SK Kampung Batu	Aedrey Bin Abu	Lelaki	1
51.	Sentul	SK	WBA0021	SK Kampung Batu	Muhamad Nordin Bin Noor Azizi	Lelaki	2
52.	Sentul	SK	WBA0021	SK Kampung Batu	Khairina Balqis Bt Khairul Azizy	Perempuan	4

Sumber: Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan (2013)

### **1.2.9 Kecelaruhan Identiti antara Bumiputera dan Orang Asli**

Dapatan kajian ini juga membuktikan bahawa masyarakat hari ini keliru dengan konsep bumiputera dan OA. Bagi mereka masyarakat bumiputera itu termasuk OA. Situasi ini sedikit sebanyak memerihalkan masyarakat OA tidak mendapat perhatian yang sewajarnya daripada masyarakat tempatan. Hal ini terbukti apabila data awal seperti Jadual 6 memaparkan terdapat kira-kira 52 orang kanak-kanak OA di agensi pendidikan rendah sekitar Kuala Lumpur. Namun apabila pengkaji turun padang untuk melakukan kajian, jumlah kanak-kanak OA semakin berkurangan.

Hal ini demikian kerana, pihak pengurusan agensi berkenaan menjelaskan bahawa mereka sendiri kurang mendalami konsep peribumi, bumiputera, dan OA. Mereka membuat tanggapan bahawa masyarakat bumiputera adalah termasuk masyarakat OA. Sehubungan itu, faktor kecelaruhan tanggapan identiti terhadap OA telah menjelaskan bahawa ada dalam kalangan masyarakat hari ini kurang mengenali masyarakat OA dan bumiputera. Pengkaji telah mendapati hanya 36 orang kanak-kanak OA sahaja yang sebenarnya terdapat di agensi pendidikan rendah di Kuala Lumpur.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Hari ini, kanak-kanak Melayu yang merupakan penutur bahasa pertama didapati tidak dapat menguasai BM dengan baik. Hal ini lebih membimbangkan bagi penutur B2 termasuklah dalam kalangan kanak-kanak OA. Bagi penutur B2, BM merupakan bahasa asing yang perlu dikuasai oleh mereka. Bagi kanak-kanak yang menggunakan BM sebagai B2, kebiasaannya mereka akan mengalami gangguan bahasa terutama daripada bahasa ibunda. Gangguan ini jika tidak diatasi akan menghalang mereka untuk terus menguasai bahasa kedua (Mohd Helmi Ahmad, 2011).

Bagi kanak-kanak OA pula, keputusan peperiksaan menjelaskan bahawa tahap penguasaan mereka dalam BM sememangnya lemah. Banyak faktor yang boleh dikaitkan seperti faktor kualiti pengajaran, kedudukan sosio-ekonomi, jantina, motivasi belajar, sikap dan tabiat belajar, keadaan persekitaran, dan kecerdasan. Faktor-faktor tersebut mempunyai peranan yang tersendiri dalam mempengaruhi pencapaian penguasaan bahasa. Hal ini turut diakui oleh Mohd Sharifudin bin Yusop (2013), Pensyarah Kanan Bidang Antropologi Sociolinguistik, Universiti Putra Malaysia (UPM). Menurut beliau, bahasa komunikasi harian masyarakat OA adalah seperti Semai, Jakun, dan Semelai.

Dalam sistem pendidikan negara kita pula, bahasa pengantar yang digunakan ialah BM. Sudah pasti mereka akan ketinggalan untuk menguasai BM yang merupakan bukan bahasa ibunda masyarakat OA. Situasi ini diburukkan lagi dengan pandangan negatif masyarakat luar yang menyebabkan OA berasa rendah diri seterusnya menyebabkan mereka tidak dapat menguasai BM dengan baik.

Dalam bidang bahasa, sikap mempunyai hubungan erat dengan motivasi untuk menguasai bahasa. Sekiranya bahasa itu tidak membawa apa-apa manfaat, sudah pasti individu tidak akan berminat untuk menguasai bahasa berkenaan. Oleh yang demikian, kajian ini dapat mengenal pasti status sikap kanak-kanak OA terhadap BM sebagai B2. Sikap berkenaan akan mencerminkan penguasaan mereka terhadap BM.

Kebanyakan kajian sikap dan tahap penguasaan BM dalam kalangan penutur kedua pula hanya tertumpu kepada pelajar Cina dan India serta penutur asing seperti kajian oleh Halimah Haji Ahmad (1995). Walau bagaimanapun, kajian sikap terhadap penguasaan BM kepada kumpulan minoriti seperti kanak-kanak OA terutamanya di bandar raya sangat kurang dijalankan. Tidak ada kajian yang melihat sikap kumpulan minoriti ini terhadap penguasaan bahasa kebangsaan iaitu BM. Kajian yang melibatkan OA pula banyak menyentuh tentang aspek kemiskinan dan keciciran masyarakat asli sahaja.

Selain itu kajian-kajian yang dijalankan terhadap OA hanya tertumpu di kawasan pedalaman atau pinggir bandar sahaja. Kajian yang dijalankan di kota metropolitan seperti Kuala Lumpur agak kurang. Bahkan ada dalam kalangan kita juga tidak menyedari kehadiran OA di kawasan bandar raya. Faktor ini bukanlah sesuatu yang asing, kerana secara realitinya, masyarakat OA sinonim dengan hutan belantara. Adalah mustahil untuk mereka berada dalam arus kehidupan di hutan batu ini. Oleh sebab itulah ada ketikanya kita tidak sedar bahawa terdapatnya masyarakat OA di bandar raya Kuala Lumpur. Terdapat juga dalam kalangan masyarakat di Kuala Lumpur yang mengelompokkan kumpulan OA ini sebagai kaum lain atau bumiputera asli Sabah dan Sarawak. Oleh yang demikian, rasional inilah yang menjadi kekuatan kepada penyelidik bahawa adalah sangat perlu untuk meninjau dan menjalankan kajian terhadap masyarakat OA terutamanya yang bermastautin di bandar raya Kuala Lumpur.

Dapatan kajian yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu berkaitan sikap terhadap BM membuktikan terdapat perbezaan yang signifikan antara kanak-kanak perempuan berbanding kanak-kanak lelaki. Contohnya kajian yang dijalankan oleh Mohamed Amin (2005) iaitu kajian sikap “Pelajar Cina Terhadap Pemelajaran BM Sebagai B2.” Maka kajian ini akan melihat sama ada kanak-kanak OA mempunyai sikap yang positif atau sebaliknya terhadap BM. Oleh itu, kajian ini dapat membuktikan sama ada terdapat persamaan dapatan dengan kajian terdahulu. Sebagai tambahan kepada kajian sedia ada yang melibatkan masyarakat OA, pengkaji ingin melihat sikap kanak-kanak orang asli dari segi gender di Kuala Lumpur terhadap penguasaan BM sebagai B2. Mereka juga mengetahui jika tidak lulus dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), maka mereka akan ditempatkan dalam kelas peralihan ketika di sekolah menengah.

Persoalannya, adakah murid OA sedar akan kepentingan menguasai BM? Bagaimanakah sikap mereka terhadap BM? Adakah mereka belajar BM sekadar untuk lulus peperiksaan sahaja atau sememangnya jati diri terhadap BM itu betul-betul telah wujud? Atas faktor inilah murid OA perlu sedar bahawa mereka mestilah menguasai BM dengan sebaik mungkin dan bersikap positif terhadap BM.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

- i. Adakah terdapat perbezaan sikap yang signifikan antara kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan OA di Kuala Lumpur terhadap penguasaan BM sebagai B2?
- ii. Bagaimanakah hubungan sikap kanak-kanak OA di Kuala Lumpur terhadap penguasaan bahasa BM sebagai B2?

#### **1.5 Objektif Kajian**

- i. Menghuraikan sikap antara kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan OA di Kuala Lumpur terhadap penguasaan BM sebagai B2 secara perbandingan.
- ii. Menilai sikap kanak-kanak OA di Kuala Lumpur terhadap penguasaan bahasa BM sebagai B2.

#### **1.6 Kepentingan Kajian**

Hasil kajian ini diharapkan dapat mengenal pasti dan memberi maklumat tentang sikap kanak-kanak OA dalam penguasaan BM sebagai B2. Selain itu, kanak-kanak OA dapat memperbaiki sikap dan tanggapan terhadap kepentingan menguasai BM serta dapat meningkatkan pencapaian dan penguasaan bahasa khususnya dalam pemerolehan B2. Kajian ini turut berkepentingan selaras dengan usaha kerajaan untuk menyatupadukan masyarakat Malaysia dengan satu dasar bahasa kebangsaan iaitu, BM.

Kajian ini juga diharapkan dapat memberi gambaran sebenar tentang kedudukan BM dalam kalangan kanak-kanak OA di Kuala Lumpur seterusnya berguna untuk panduan oleh semua pihak seperti JAKOA, KPM, dan masyarakat OA. Selain itu, kajian ini juga akan dapat melihat situasi penguasaan sebenar BM dalam kalangan kanak-kanak bukan Melayu khasnya kanak-kanak OA.

#### **1.7 Batasan Kajian**

Kajian ini hanya dijalankan kepada kanak-kanak OA kawasan Kuala Lumpur. Hal ini adalah kerana kajian bersangkutan OA di Kuala Lumpur sangat kurang. Manakala sampel yang dipilih untuk kajian ini adalah dalam lingkungan umur 8 hingga 11 tahun sahaja iaitu seramai 18 orang daripada 36 orang.

Seramai 18 orang lagi tidak dijadikan sampel atas beberapa faktor seperti terlibat dengan peperiksaan awam iaitu Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (8 orang) dan berpindah ke luar negeri (5 orang). Selain itu, bagi kanak-kanak OA yang berumur 7 tahun (5 orang), mereka belum sesuai untuk dijadikan sampel kerana sukar untuk memahami kehendak instrumen secara menyeluruh.

## 1.8 Definisi Operasional

### Sikap

Secord dan Backman (1964) dalam Chan Mee Lee (2003) dalam buku *Social Psychology*, mentakrifkan sikap sebagai fikiran, perasaan dan kecenderungan yang menjadi kebiasaan kepada seseorang untuk bertindak dengan alam sekitarnya. Manakala Rokeach (1968) juga dalam Chan Mee Lee (2003), mendefinisikan sikap sebagai satu organisasi kepercayaan yang memfokuskan kepada satu objek tertentu atau kepada keadaan yang membuatkan seorang itu cenderung untuk meminatinya.

Fauziah Abdul Ghani (1990) mendefinisikan sikap sebagai perasaan atau kecenderungan seseorang terhadap sesuatu objek psikologikal. Sikap boleh dipelajari dan boleh berubah, tidak statik dan mempunyai darjah seperti arah yang berbeza di antara individu, bergantung kepada pembelajaran seseorang itu.

Terdapat dua bentuk sikap yang amat penting dalam pembelajaran B1 dan B2 iaitu sikap terhadap bahasa yang hendak dipelajari dan sikap terhadap penutur bahasa yang hendak dipelajari. Sikap bahasa merupakan tanggapan dan penilaian seseorang sama ada positif atau negatif terhadap bahasa, penutur bahasa, ciri bahasa, isu dan kebahasaan.

### Bahasa Kedua (B2)

Pemerolehan B2 berkaitan dengan apa-apa sahaja bahasa yang dipelajari dan dikuasai oleh seseorang selepas pemerolehan B1. Proses pemerolehan B2 tidak berlaku secara semula jadi tetapi melalui pembelajaran secara formal di institusi pendidikan seperti sekolah. Dengan itu, penguasaannya berlaku secara formal, disadari, disengajakan dan dirancang. Dalam kajian ini, B2 adalah BM yang dikuasai oleh kanak-kanak OA di agensi pendidikan yang dikaji. Penguasaan yang dimaksudkan adalah penguasaan pemahaman dan penguasaan penulisan. Penguasaan mereka diukur melalui pencapaian pentaksiran yang telah dijalankan oleh pihak agensi pendidikan berkenaan.

## 1.9 Kesimpulan

BM kini banyak mengalami perubahan sama ada dari segi konsep atau pun perkembangan isi kandungannya. Oleh yang demikian, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti sikap kanak-kanak OA di agensi pendidikan rendah pilihan di Kuala Lumpur terhadap penguasaan BM sebagai B2. Setelah sikap mereka dikenal pasti, pelbagai langkah boleh diambil untuk memartabatkan bahasa ini seterusnya membantu penuntut bukan Melayu berbahasa secara betul, tepat, berhemah, dan santun.

Sebagai kesimpulan, banyak kajian yang telah dijalankan untuk melihat sikap kanak-kanak terhadap penguasaan BM sebagai B2. Sikap terhadap bahasa memainkan peranan penting dalam banyak kajian psikososial. Oleh itu, kajian lanjutan sangat diperlukan untuk mengenal pasti tahap sikap penutur kedua terhadap bahasa kebangsaan ini.





## RUJUKAN

- Abdul Hamid Mahmood (1990). Penguasaan Bahasa Melayu baku di kalangan pelajar. *Jurnal Dewan Bahasa*. 4, 242-252.
- Abdullah Yusoff (2007). Sebab bahasa sukar dikuasai. *Pelita Bahasa*. 11, 22-24.
- Abu Bakar Nordin (1991). “Kesan Pencapaian Akademik Kepada Sikap Terhadap Pelajaran”, *Jurnal Psikologi Malaysia*,7:41-60.
- Adnan @ Nan Khamis (1980) *Pertalian Antara Sikap Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Tertentu Dan Pencapaian Dalam SRP Di Sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan*. Disertasi M. Ed, Universiti Malaya : Fakulti Pendidikan (Tidak Diterbitkan).
- Ajid Che Kob (1998), *Gah Bahasa: Beberapa Persoalan Yang Menghambat Bahasa Melayu Dalam Pengajian Melayu Memasuki Alaf Baru*. Kuala Lumpur. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Allport, G. (1935). *Attitudes Dalam Fishbein.M.1967, Reading In Attitudes Theory And Measurement*. New York: John Wiley And Sons, Inc.
- Anisfeld, M. & Lambert, W.F. (1961). *Social And Psychological Variables In Learning Hebrew*. *Journal Of Abnormal And Social Psychology* 63, 524-529.
- Awang Sariyan (2012). *Dasar Bahasa Kebangsaan dalam Pembinaan Negara Malaysia*. Dewan Bahasa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.54-54.
- Baker, C (1992). *Attitudes And Language*. England: Multilingual Matters Ltd.
- Baker-Lunn, J.C. (1969). *The Effect Of Streaming And Non Streaming In Junior School: Interim Report*. *New Research In Education*,46-75.
- Chan Mee Lee (2003). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Sikap Dan Minat Pelajar-Pelajar Cina Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Cina Di Sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan*. Disertasi Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Cohen, P.S (1966) *Sosial Attitude And Sociology Inquiry British Journal Of Sociology*, Volume 17,341-352.
- Cohen, P.S (1973). *Statistical Power Analysis For The Behavioral Science*. New York: Academic Press.
- Doris Padmini Selvaratnam *et. al* (2012). “*Transformasi Modal Insan*” Kertas Kajian Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Fauziah Abdul Ghani. (1990). *Persepsi Dan Sikap Pelajar Terhadap Agama Islam Mengikut Status Sosioekonomi Keluarga Latihan Ilmiah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fitt, A.B (1957). An Experimental Study Of Children's Attitude To School In Auckland, New Zealand, *British Journal Of Psychology*, Volume 57 Halaman 20-35.
- Fleming, D (1967). The History Of A Concept, Perspective In American History, 1:278-365 Dalam Kahle, L.R. (1981) *Attitudes and Social Adaption*, International Series In Experimental Social Psychology.
- Gardner & Santos, E.H (1970). *Motivational Variables In Second Language Acquisition: A Philippines Investigation*. Research Bulletin No 149, University Western Ontario.
- Gardner, R.C (1985). *Social Psychology And Second Language Learning: The Role Attitudes And Motivation*. London: Edward Arnold.
- Gardner, R.C, Lambert, W.E (1972). *Attitudes And Motivation In Second Language Learning*. Rowky, Mass: Newsbury House Publishers.
- Gunam A/L SM Krishnan (2005). *Sikap Dan Penggunaan BM Di Kalangan Masyarakat Tamil Di Malaysia: Satu Kajian Kes*. Disertasi Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Habibah Elias *et al.* (1993). *Motivasi Dan Sikap Terhadap Bahasa Inggeris Di Kalangan Guru Pelatih Dalam Psikologi Budaya Kerja Di Malaysia*. Psima:111-120.
- Halimah Haji Ahmad (1995). *Penggunaan BM di Kalangan Penutur Asing : Satu Kajian Sikap*. Jurnal Dewan Bahasa. Dewan Bahasa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Hassan Ahmad (2009). Bahasa dalam Pendidikan. *Dewan Masyarakat*. 5, 33-36.
- Helga Bister-Broosen (1997). *Communication In The Alemanic Area. Language Use And Attitudes In Colmar And Freiburg Dalam Martin Puts (Eds) Language Choice: Conations, Constraints And Consequences*. Amsterdam: John Benjamin Publishing 305-325.
- Jamali Ismail, (1992). *Sikap, Motivasi Dan Pencapaian Dalam Pembelajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua Di kalangan Pelajar Melayu*. Jurnal Dewan Bahasa 11:1071-1080.
- Janting Ak Ringkai, Jamin Nangtang (2006). *Jurnal Penyelidikan Tindakan Tahun 2006*, Jilid 1/ Kerjasama IPBL Dengan PPG Sri Aman Dan PPDK Serian, JPN Sarawak Di Bawah KPKIPBL, Ms:102-110.
- Johnson, D. W. (1975). *Helping People Change*. New York: Pegamas Press

- Juriah Long (1975). *Masalah Pencapaian Murid-murid bukan Melayu dalam Peperiksaan Bahasa Malaysia di peringkat MCE: Satu Analisa*. Disertasi M.Ed, Universiti Malaya:Fakulti Pendidikan (Tidak Diterbitkan).
- Kamarudin Hussin, (1993). *Pedagogi 3, Penggunaan Psikologi Dalam Bilik Darjah*. Petaling Jaya, Longman Malaysia.
- Kamsiah Abdullah (1984). *Sikap Dan Motivasi Penuntut Melayu Di Sekolah Menengah Singapura Terhadap Bahasa Melayu Dan Bahasa Inggeris*. Disertasi M.Ed, Universiti Malaya:Fakulti Pendidikan (Tidak Diterbitkan).
- Kartz, D. Scotland, E (1958). *A Preliminary Statement To A Theory Of Attitude Structure And Change*, Psychology: A Study Of Science, S. Koch (Ed), Volume 3 New York: Mc Graw-Hill.
- Khairul Hisyam Kamarudin dan Ibrahim Ngah (2007). *Pembangunan Mapan Orang Asli*. Universiti Teknologi Malaysia 2007.
- Lalonde, R.N. & Gardner, R.C (1985). *On The Predictive Validity Of Attitude/Motivation Test Battery: Journal Of Multilingual And Multicultural Development* 6(5), 403-412.
- Lemon, N. (1973). *Attitudes And Their Measurement*. London: B. T. Batsfred.
- Leong Yin Ching *et al.* (1990). *Factors Influencing The Academic Achievement Of Students Medium Schools And Their Use Of The School Library Facilities*. University Malaya, Kuala Lumpur, 1974.
- Mager, R.F. (1968). *Developing Attitude Toward Learning*. Fearon Publisher/Ler Stegler. Inc.
- Md. Nasir Masran (2008). *Kebolehbacaan Dalam Kalangan Murid Orang Asli (Program Pemulihan) Di Sekolah Kebangsaan Brincang (Pahang) Dan Sekolah Kebangsaan Batu 14 Tapah (Perak)*. Kertas Kerja Atas Talian.
- Mohamad Azhar Mat Ali, Kamarrul Arifin bin Abdul Rahman Aminuddin bin Mohamed (2011). *Pola kehadiran murid asli Di Kuala Lipis, Pahang*. Institut Perguruan Guru Malaysia Kampus Tengku Ampuan Afzan.
- Mohamad Hanif Zakaria (1991). *Pendidikan Formal Orang Asli Di Kuala Langat Selangor*. Disertasi Latihan Ilmiah (Tidak Diterbitkan) Fakulti Sastera Dan Sains Sosial. Universiti Malaya.
- Mohamad Johdi Salleh *et al.* (2008). *Kesedaran Pendidikan Dalam Kalangan Masyarakat OA Di Gombak, Janda Baik, Dan Bangsar*. Universiti Islam Antarabangsa. Kertas Kerja Atas Talian.
- Mohamed Amin Embi (2005). *Sikap Pelajar Cina terhadap Pemelajaran BM Sebagai Bahasa Kedua*. Psikolinguistik dalam P&P BM. Kuala Lumpur.

- Mohammad Haron (1982). *Satu Tinjauan Mengenai Kegemaran Membaca Di Kalangan Murid-Murid Di Sebuah Sekolah Menengah Di Bandar Tampin*. Disertasi M. Ed, Universiti Malaya : Fakulti Pendidikan.
- Mohd Helmi Ahmad. (2011). Gangguan bahasa ibunda. *Dewan Bahasa*. 10, 32-34.
- Mohd Najib Tun Razak (2013). *Dewan Budaya*. 5, 14-48.
- Mohd Samsuddin Mahmud (1992). *Sikap Pelajar Terhadap Mata Pelajaran BM Dan Pertaliannya Dengan Pencapaian Dalam BM*. Disertasi Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Mohd Sharifudin Yusop (2009). *Keusangan Bahasa Orang Asli Dan Peribumi Malaysia: Impak Terhadap Bahasa Melayu*. Jurnal Aswara Atas Talian, Disember 2009.
- Mohd Sharifudin Yusop (2010). *Pengklasifikasian Masyarakat Orang Asli Berasaskan Ciri Etnolinguistik*. Jurnal Aswara Atas Talian.
- Mohd Sharifudin Yusop (2013). Bahasa dan kemajuan. *Dewan Budaya*. 5, 29.
- Mohd Zamri Abdullah, Shukri Ismail, Mohd Din Haron (2010). *Gaya Belajar Murid Peribumi Dan Persepsi Guru : Satu Perbandingan*. Kertas Kerja Atas Talian.
- Mohd. Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammed Nata Mohammad, Abdullah Derahman (2010). *Kemiskinan Dan Pendidikan: Kajian Perbandingan Orang Asli Di Post Tohoi, Gua Musang Dan Orang Asli Post Brooke, Gua Musang*. Kertas Kerja Atas Talian.
- Muhammed Nata Mohammad *et al.* (2010). *PLBD Murid Orang Asli SK Kuala Betis, Gua Musang*. Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bharu. Kajian Atas Talian.
- Myres, R.E, Fouts, J.T. (1992). *A Cluster Analysis Of High School Science Classroom Environments And Attitude Toward Science*. Journal Of Research In Science Teaching, 29(9):929-937
- Neal, D. C., Gill, V.Tismer (1970). *Relationship Between Attitude Toward School Subject And School Achievement*. Journal Of Education Research, Halaman 6, 151, 232-238.
- Newcom, T. M., Murphy, G. (1937). *Experimental Social Psychology*. New York: Happer And Bross, Halaman 912-1046.
- Nik Safiah Karim (1986). *Ke arah Penguasaan dan Penghayatan BM: Matlamat Pengajaran Bahasa dan Sastera dalam Pendidikan II*. Persatuan Linguistik Malaysia.

- Nik Safiah Karim (1988). *Sosiolinguistik Bahasa Melayu Dan Pengajaran*. Petaling Jaya. Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Noor Aina Dani (2006) *Asas Psikolinguistik*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Noran Fauziah Yaakob, Abdul Latif Idris (1992). Minat Dan Pencapaian: Wujudkah Hubungan Bagi Pembacaan Mekanis? *Jurnal Pendidikan Guru*. 8. 58-78.
- Noriah Mohamed (1998). *Sosiolinguistik Bahasa Melayu Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Norizah Ardi (2005). *Sikap Terhadap BM Dan Penggunaannya Di Kalangan Pelajar Di Universiti Selatan Thailand*. Disertasi Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Nurhizan Abdul Manab (1995). *Sikap Terhadap Pembelajaran Bahasa Inggeris Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Pelajar Tingkatan Dua Di Daerah Kuala Terengganu*. Disertasi M.Ed, Universiti Malaya: Fakulti Pendidikan (Tidak Diterbitkan).
- Nurul Farhana Jumaat (2010). *ICT Dalam Pendidikan Anak-Anak Orang Asli Di Sekolah-Sekolah Rendah*. Disertasi M.Ed, Universiti Teknologi Malaysia. (Tidak Diterbitkan).
- Oller, J.W. (1977), *Attitudes And Attained Proficiency In ESL, A Sociolinguistic, Study Of Native Speakers Of Chinese In The United States*. Dalam *Language Learning*. 27:1-27.
- Pierson, H.D, Fo, G.S & Lee, S.Y (1980). *An Analysis Of The Relationship Between Language Attitudes And English Attainment Of Secondary Students In Hong Kong* *Language Learning*. 30,289-316.
- Quinn, Jadav, A.D. (1976). *Casual Relationship Between Attitude And Achievement For Elementary Grade Mathematics And Reading*. *Journal Of Educational Research*. 80:366-372.
- Rallison, R. (1939). *The Interest Of Senior School Children In Non-Scientific. Subjects* *Journal Of Educational Psychology*, Volum 9, Halaman 129.
- Reistra, M.A Johnson, C.E (1962). *Changers An Attitude Of Elementary Study Of Foreign Language*. (Tidak Diterbitkan) Universiti Of Plied.
- Remmers, H, Gage, N. L. (1943). *Educational Measurement And Evaluation*. (Happer And Brows) Halaman 94-95.
- Richards J.Platt, Webber, H. (1985). *Longman Dictionary Of Applied Linguistic*. England: Longman Group Limited.
- Rogers, D. (1979). *The Psychology Of A Dolesence*. Englewood: Prentice Hall

- Rohani Mohd Yusof, Nur Hidayah Mohamed Sulaiman (2010). *Fenomena Bahasa Orang Asli Melayu-Proto: Kajian Suku Duano*. Kajian Atas Talian.
- Roshel, S.M Wood, T. (1976). *Multitrait-Multimethod Validation Of Measurement Of Student Attitudes Toward School*. Educational And Psychological Measurement, 31, 999-1006.
- Saedah Siraj (1987). *Hubungan Di Antara Pengajaran Kelas Dengan Jangkaan Kejayaan Pelajar Dan Sikap Mereka Terhadap Guru Dan Sekolah*. Journal Pendidikan, Universiti Malaya, Fakulti Pendidikan, Halaman 11,41-54
- Santha Kumar A/L Payani Yanai (2001). *Masalah Keciciran Pendidikan Di Kalangan Anak-Anak Orang Asli Di Melaka*. Disertasi Latihan Ilmiah (Tidak Diterbitkan) Fakulti Sastera Dan Sains Sosial. Universiti Malaya
- Sharifah Akmam Syed Zakaria (2005). *Panduan dan Strategi Motivasi Diri*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn Bhd.
- Sharpes, D. (1969). *Children's Attitudes Toward Junior School Activities*. British Educational Journal, Volume 39,72-77.
- Siti Huwaina Yaacob (1999). *Pencapaian Pendidikan Di Kalangan Orang Asli Di Kelantan*. Disertasi Latihan Ilmiah Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya. (Tidak Diterbitkan).
- Siti Rohaya Ariffin. (1988). *Kajian Mengenai Sikap Terhadap Sains Dan Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Sains Panduan Bagi Pelajar Tingkatan Tiga*. Tesis M. Ed, Universiti Kebangsaan Malaysia: Fakulti Pendidikan.
- Smith, M. B. Attitude Change, In David, L. Sills (Ed). (1968). *International Encyclopedia Of The Social Science*. C. Crowell, Mc Milan And Collier , Halaman 458-467.
- Subramaniam Rajagopal, (1976). *A Study Of The Role Attitude And Motivation In The Acquisition Of English A Second Language By Fifth Malay Medium Pupils In Selangor*. Disertasi M.Ed, Universiti Malaya: Fakulti Pendidikan (Tidak Diterbitkan).
- Taha Abd. Kadir (1977). *Persekitaran Rumah tangga Dan Pencapaian Akademik Murid-Murid Di Sekolah Menengah Kebangsaan*. Disertasi M. Ed, Universiti Malaya: Fakulti Pendidikan (Tidak Diterbitkan).
- Teo Kok Seong (2011). *Kepentingan Bahasa Melayu Dalam Gagasan IMalaysia*. Dewan Bahasa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Teo Kok Seong (1998). *Sikap Bahasa*. Pelita Bahasa. Januari 1998. 40-43.
- Thurstone, L. L, Chave F. J. (1957) *The Measurement Of Attitude* ( Chicago: University Of Chicago: 1929) Quot. In. *Techniques Of Attitude Scale Construction* (Appleton-Century-Crofts, Inc). Halaman 2 By A. L. Edward.

- Zainal Abidin Masleh, Mohd Sharifudin Yusop (2010). *Mandala Dan Sikap Bahasa Etnik Bhuket*. Jurnal Aswara Atas Talian, Disember 2010.
- Zainal Abidin Borhan (1984). *Pelajaran Dan Mobiliti Orang Asli Di Gombak*. Disertasi Latihan Ilmiah (Tidak Diterbitkan) Fakulti Sastera Dan Sains Sosial. Universiti Malaya.
- Zamri Mahamod, Zarina Othman (2001). *Sikap Pelajar Cina Terhadap Pemelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua*. Dewan Bahasa, Februari 2001. Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Zimbardo, P.G, Ruch. F. L. (1979). *Psychology And Life*. Illinois. Scolt, Foreman.
- Zohari Muda, Mohammad Shukeri Hamzah (2009). *Sains Pelajar Peribumi Di Sekolah OA Di Gua Musang, Kelantan*. Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bharu. Kajian Atas Talian.
- Zulkifley Hamid (1994). *Teori, Kaedah, Dan Objektif: Mencari Keserasian dalam Pengajaran dan Pemelajaran Bahasa*. Jurnal Dewan Bahasa Jun 1999.
- Zunariah Mohamad, Jaafar Sulaiman, Sabri Awang (2010). *Kesan Pembelajaran Aktif Terhadap Konsep Penolakan Murid-Murid Peribumi Tahun Tiga Suku Jahai Di Sekolah Orang Asli Di Hulu Kelantan*. Kertas Kerja Atas Talian.
- Zunich, M. (1964) *Attitude Of Lower Class Families, The Journal Of Psychology*. Volume 63,367-373.